


UTUSAN MALAYSIA

RABU, 15 Oktober 2003 (Muka 27)

Ruangan UTARA



SULTAN Kedah menyampaikan pingat emas kepada pelajar terbaik Program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam, Murni Johari di Alor Star, semalam.

Sultan Kedah dukacita umat Islam dicemuh

ALOR STAR 14 Okt. — Sultan Kedah hari ini melahirkan rasa dukacita baginda kerana umat Islam kini dicemuh dan dilabel sebagai umat yang kurang bertamadun kerana penglibatan mereka dengan aktiviti militan.

Bagi mengelakkan tanggapan itu berterusan, baginda mengingatkan umat Islam, khususnya para graduan agar mereka tidak mudah dihanyutkan dengan ajaran-ajaran yang didatangi oleh puak-puak pelampau agama.

"Puak-puak ini sebenarnya cuba melampias 'perjuangan' mereka dan menartibkan pelajar agar bertindak di luar batasan undang-undang," titah baginda ketika merasmikan Majlis Konvokesyen Institut Agama Islam Negeri Kedah (Insaniah) Ke-6 di sini, hari ini.

Di sebalik kebimbangan itu, Sultan Kedah mengajak para graduan sentiasa

menjaga imej dan reputasi di mana sahaja mereka berada.

"Cubalah berfikir secara rasional dan pertingkatkan keilmuan agar tidak tergelincir dari landasan yang betul," titah baginda.

Sultan Kedah juga melahirkan rasa gembira dengan pencapaian cemerlang Insaniah dalam jangka masa yang singkat.

"Beta difahamkan Insaniah pada tahun ini bukan sahaja meraikan graduan Pengajian Islamnya tetapi juga mencatatkan sejarah apabila berjaya melahirkan graduan suling Diploma Teknologi Maklumat hasil kerjasama dengan Universiti Utara Malaysia," titah baginda.

Kejayaan itu tegas baginda, memperlihatkan kesungguhan Insaniah dan Kerajaan Negeri Kedah untuk mempelbagai penawaran ilmu di samping ilmu yang berternakan agama.

Baginda berharap Insaniah dapat bersaing dan setaraf dengan institusi pengajian tinggi cemerlang lain di rantau ini.

"Beta yakin jika usaha ini terhasil, Insaniah yang begitu sinonim dengan Universiti Al-Azhar, Mesir, dapat dilihat sebagai Al-Azhar di rantau ini dan menjadi rebutan para mahasiswa dari dalam dan luar negara," titah baginda.

Sehubungan itu, baginda turut menyatakan sokongan terhadap usaha-usaha Kerajaan Negeri Kedah amnya dan pentadbiran Insaniah khasnya untuk menaiktarafkan Insaniah kepada Kolej Universiti Islam.

Seramai 511 graduan termasuk 50 pelajar asing menerima diploma dan ijazah sarjana muda masing-masing pada majlis tersebut yang turut dihadiri oleh Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zaini.